



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
Malaysian Examinations Council



Laporan Peperiksaan

STPM 2023



Sejarah (940)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 24 901 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 63.11% daripadanya telah lulus penuh.

Peratusan calon bagi setiap gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	4.78	3.79	7.32	7.91	12.75	11.31	15.24	6.04	5.84	5.42	19.59

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon bagi kertas ini adalah lemah. Terdapat beberapa kelemahan jawapan yang ketara. Antaranya adalah seperti yang berikut:

- Calon hanya memberikan jawapan tanpa memberikan contoh dan pembuktian dalam menghuraikan isi dan fakta. Kelemahan ini jelas menunjukkan calon kurang mendalami subjek soalan dan hanya memberikan jawapan yang umum.
- Calon tidak mengetahui fakta yang dikehendaki oleh soalan dan memberikan fakta yang tidak berkaitan dengan kehendak soalan.
- Calon membuat pengenalan dan kesimpulan jawapan yang umum. Calon yang cemerlang menulis pengenalan yang terfokus kepada kehendak soalan. Manakala, bahagian kesimpulan calon perlu merumuskan isi yang diberikan dan mengaitkannya dengan kehendak soalan.

Komen soalan demi soalan

Soalan 1

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan ciri masyarakat industri di Jerman pada abad ke-18 hingga abad ke-19. Jawapan calon yang baik ialah calon harus menghuraikan ciri masyarakat industri Jerman merangkumi aspek penempatan, kegiatan ekonomi, kemajuan teknologi, kemajuan pengangkutan urbanisasi dan peningkatan taraf hidup, pendidikan, dan peranan kerajaan dalam usaha menjayakan sektor perindustrian. Calon yang cemerlang adalah calon yang jelas tentang ciri yang dikehendaki dalam soalan ini dan mampu menggarap isi penting dengan taakulan yang baik. Calon gagal mendapat markah yang baik kerana pengetahuan yang terhad dan huraian yang umum. Malah, ada calon yang memberikan jawapan faktor yang mendorong Jerman membangunkan industri dan bukannya ciri. Selain itu, ada calon yang menghuraikan ciri masyarakat agraria dan maritim, dan bukannya ciri masyarakat industri Jerman.

Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan kedudukan dan peranan maharaja dalam sistem pemerintahan di China dari abad ke-16 hingga abad ke-17. Calon harus menghuraikan konsep kedudukan maharaja seperti konsep mandat dari syurga, anak syurga, kedudukan teratas yang paling berkuasa dalam sistem pemerintahan China serta mengamalkan ajaran Confucianisme. Peranan maharaja antaranya peranan dalam bidang pentadbiran pusat termasuk kuasa eksekutif tertinggi, kuasa kehakiman, dan perundangan, ketua tentera, dan perlantikan pegawai kerajaan serta pegawai peringkat pusat. Maharaja juga berperanan dalam bidang ekonomi terutamanya dalam memastikan pembangunan ekonomi pertanian dan lain-lain. Akhirnya, maharaja turut berperanan penting dalam bidang sosial seperti ketua agama, menaungi kegiatan pendidikan, dan intelektual. Calon yang mendapat markah cemerlang adalah calon yang menjawab menurut kehendak soalan iaitu menghuraikan kedudukan serta peranan maharaja. Namun demikian, sebahagian besar calon hanya menjawab peranan maharaja dan tidak menghuraikan konsep kedudukan maharaja. Hal ini telah menjejaskan prestasi jawapan calon. Calon yang mendapat markah lemah pula adalah calon yang menyebut peranan maharaja secara umum dan ada juga calon yang mencampuradukkan peranan maharaja Jepun dan juga raja-raja di Eropah.

Soalan 3

Soalan ini menghendaki calon membincangkan perkembangan ekonomi feodal di Perancis pada abad ke-16 hingga abad ke-18. Calon perlu membincangkan perkembangan ekonomi feodal yang berteraskan kepada pertanian sebagai isi utama dan perlu mengaitkan perkembangan yang berlaku dalam ekonomi feodal itu sendiri. Konsep pemilikan tanah dan peranan petani mempengaruhi perkembangan sistem ekonomi feodal Perancis. Perlu juga dijelaskan perubahan dan pembaharuan yang berlaku dalam ekonomi pertanian dan kesannya kepada peningkatan ekonomi sektor lain seperti perdagangan dan perindustrian. Soalan ini bukan pilihan ramai calon dan majoriti calon yang menjawab soalan ini mendapat markah yang rendah. Ini adalah kerana calon tidak memahami sistem ekonomi feodal dan gagal menjelaskan perkaitan antara feudalisme dan teras penting sektor ekonomi pertanian dalam sistem feodal. Majoriti calon hanya menjawab kegiatan ekonomi di Perancis secara umum serta tidak menunjukkan perkaitan penting pertanian dalam sistem ekonomi feodal.

Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon membincangkan sejauh mana keupayaan meneroka dan menguasai jalan laut mendorong Portugal menjadi negara perdagangan sejak abad ke-16. Calon sepatutnya membincangkan keupayaan meneroka dan menguasai jalan laut, seperti kemahiran ilmu pelayaran termasuk peranan Putera Henry, kemahiran membina kapal dan pelbagai peralatan, penguasaan oleh tokoh pelayaran Portugal seperti Vasco da Gama dan kejayaan Portugal menjadi penguasa tunggal laluan laut berbanding kuasa lain. Di samping isi utama tersebut, calon sepatutnya menghurai isi lain seperti kejayaan Portugal merentas benua dengan menguasai pelabuhan di pelbagai benua seperti Goa di India dan Brazil, pendekatan Portugal membina penempatan dan pertahanan di pelabuhan luar seperti Brazil dan juga perdagangan hamba, dan keupayaan mendapat bahan dagangan untuk pasaran sebagai asas penting dalam menjadikan Portugal sebagai negara perdagangan. Soalan ini merupakan soalan pilihan calon, namun sebahagian kecil sahaja yang berupaya menghujah isi utama iaitu faktor keupayaan meneroka dan menguasai jalan laut serta mengaitkan faktor utama tersebut dengan perdagangan. Majoriti calon hanya menghuraikan isi utama tetapi tidak dikaitkan dengan

Portugal menjadi negara perdagangan ini. Selain itu, terdapat calon yang menjawab ciri masyarakat maritim Portugal dan ini telah menyebabkan calon gagal mendapat markah yang baik

Soalan 5

Soalan ini menghendaki calon membincang sejauh mana krisis Balkan menjadi pencetus Perang Dunia Pertama. Soalan ini merupakan soalan aras tinggi kerana memerlukan calon menghujahkan isi utama secara mendalam serta menghuraikan faktor sampingan yang mencetuskan Perang Dunia Pertama. Hujahan tentang krisis Balkan merangkumi krisis antara Austria-Hungary dan Serbia, penaklukan Bosnia-Herzegovina sehingga peristiwa pembunuhan Archduke Ferdinand. Perlu dijelaskan juga bagaimana krisis Balkan ini telah melibatkan kuasa-kuasa besar yang lain dalam Perang Dunia Pertama. Selain itu, calon juga perlu menjelaskan faktor sampingan lain seperti faktor kewujudan pakatan tentera, perlumbaan senjata, imperialisme kuasa-kuasa Barat serta sentimen dominasi dan nasionalisme Jerman. Soalan ini merupakan soalan pilihan ramai calon dan hanya calon yang berupaya membincangkan isi utama dengan baik mampu mendapat markah yang cemerlang. Namun majoriti calon gagal mendapat markah cemerlang kerana hanya menjawab faktor yang mencetuskan Perang Dunia Pertama dan tidak membincangkan krisis Balkan sebagai isi utama dengan jelas. Terdapat juga calon yang tidak menyentuh krisis Balkan seperti dikehendaki dalam soalan.

Soalan 6

Soalan ini menghendaki calon membincangkan peranan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam mewujudkan keamanan dunia dan kerjasama antarabangsa sehingga tahun 1955. Peranan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) merangkumi usaha menyelesaikan masalah pelarian, mengawal penggunaan senjata moden, menghentikan pencerobohan serta konflik antarabangsa, mengelakkan peperangan serta turut melaksanakan peranan dalam membantu pembangunan sosio-ekonomi negara anggota. Agensi-agensi penting seperti ILO, WHO, UNCHR, IMF, Majlis Keselamatan serta konflik dunia seperti Perang Korea, isu Kashmir merupakan contoh bagaimana PBB terlibat dalam usaha mewujudkan keamanan dunia dan kerjasama antarabangsa. Majoriti calon yang menjawab soalan ini gagal memperolehi markah yang baik kerana hanya memberikan jawapan yang umum tentang PBB sebagai sebuah organisasi dan tidak menjelaskan peranan PBB mengikut kehendak soalan. Selain itu, ramai calon yang membincangkan peranan PBB di luar skop tahun 1955 seperti peranan menghapuskan dasar apartheid, menghantar pasukan pengaman dalam konflik terkini dan menyelesaikan isu tuntutan pulau. Disebabkan ianya adalah diluar skop tahun 1955 maka ianya tidak membolehkan calon mendapat markah yang baik.

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 23 195 calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 62.60% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon bagi setiap gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	5.86	5.97	6.25	10.86	9.06	13.56	11.04	7.11	3.57	6.91	19.80

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon bagi kertas ini adalah sederhana. Terdapat beberapa kelemahan jawapan yang ketara. Antaranya adalah seperti yang berikut:

- Calon kurang cermat dalam memahami kehendak soalan atau istilah. Buktinya, soalan 5, kelemahan calon ialah tidak dapat membezakan antara “*faktor penentangan masyarakat Algeria*” dengan “*reaksi masyarakat Algeria*”. Hal ini menyebabkan jawapan calon tidak relevan dengan kehendak soalan.
- Calon tidak menguasai fakta-fakta asas Sejarah Islam 940/2. Contohnya soalan 2, kebanyakan calon tidak mampu membuktikan ciri kepimpinan Nabi Muhammad SAW sebagai ketua negara. Bahkan ada calon tidak membezakan antara ciri kepimpinan dan peranan Nabi SAW sebagai ketua negara kerajaan Islam Madinah.
- Sebahagian calon tidak menguasai subjek soalan dengan baik. Buktinya banyak jawapan calon terlalu ringkas, umum dan kadang-kadang terpesong jauh. Calon mengolah jawapan secara umum, tidak tepat dan hanya berdasarkan kepada karangan ayat sendiri yang tidak mempunyai nilai dan makna dari sudut fakta sejarah.

Komen soalan demi soalan

Soalan 1

Soalan ini menghendaki calon membincangkan perkembangan masyarakat Islam pada zaman Khalifah al-Rasyidin. Jawapan yang baik memerlukan calon menerangkan perkembangan masyarakat Arab Madinah seperti masyarakat Kristian dan Yahudi, golongan *al-Riddah*, golongan *al-Ayyam*, golongan *al-Qurra*, dan golongan *mawali*. Jawapan yang lebih baik ialah jawapan yang menerangkan latar belakang kemunculan golongan berkenaan termasuk tokoh-tokoh yang terlibat. Namun demikian, terdapat calon mengemukakan jawapan yang lemah dan longgar hujahannya. Ada calon mengemukakan beberapa golongan masyarakat Islam yang tidak berkaitan dengan kehendak soalan seperti Khawarij, Syiah, dan golongan berkecuali.

Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan ciri kepimpinan Nabi Muhammad SAW sebagai ketua negara Islam di Madinah. Jawapan yang sepatutnya ialah calon menerangkan sifat kepimpinan Nabi SAW sebagai ketua negara seperti *siddiq*, amanah, *tabligh*, *fatamah*, adil, tegas, berani, dan bertoleransi. Perkara yang penting juga diambil kira calon ialah *time frame* iaitu ciri kepimpinan Nabi SAW selepas penubuhan negara Madinah. Jawapan calon yang lemah tidak menerangkan ciri kepimpinan Nabi SAW sebagai ketua negara tetapi mengemukakan sifat peribadi Nabi SAW secara umum dan ada pula yang mengemukakan Nabi SAW sebagai ketua negara seperti ketua hakim, panglima perang, perancang ekonomi, dan lain-lain.

Soalan 3

Soalan ini membincangkan perkembangan institusi pendidikan di Mesir pada abad ke-8 Masihi. Calon sepatutnya menerangkan institusi pendidikan yang wujud di Mesir pada abad ke-8 Masihi seperti *halaqah*, masjid, *kuttab*, istana dan rumah kediaman ulama. Jawapan calon yang cemerlang mengupas jawapan dengan mengaitkan institusi pendidikan dengan sistem pendidikan, kurikulum, ulama, kaedah pengajaran, dan contoh institusi. Walau bagaimanapun calon yang lemah tidak dapat membezakan institusi pendidikan yang wujud pada abad ke-8 Masihi dan wujud selepas abad ke-8 Masihi. Calon yang lemah mengulas pelbagai institusi pendidikan yang tidak relevan seperti sekolah rendah, sekolah menengah, sekolah tinggi, sekolah pondok, dan sekolah swasta.

Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon memperihalkan ciri seni bina Islam yang berkembang pesat di Andalusia pada abad ke-13 Masihi. Calon perlu menjelaskan ciri-ciri seni bina Islam di Andalusia seperti seni bina bercirikan *arabesque*, bercorak geometri, pengaruh luar dalam seni bina tempatan, kompleks pelbagai guna, motif corak hiasan, fungsi seni bina bangunan, bahan binaan, dan sebagainya. Calon yang lemah, keliru dengan kehendak soalan yang menghendaki calon memerihalkan ciri seni bina dengan binaan atau bangunan. Calon seperti ini menjadikan contoh bangunan sebagai isi utama seperti masjid dan istana. Bahkan ada calon merujuk contoh bangunan seperti Taj Mahal di India dan Aya Sofiya di Turki.

Soalan 5

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan faktor penentangan masyarakat Algeria terhadap penjajahan Perancis pada abad ke-19 Masihi hingga abad ke-20 Masihi. Jawapan yang dikehendaki ialah faktor penguasaan Perancis terhadap politik Algeria, pentadbiran tanah, diskriminasi pentadbiran awam, penguasaan Perancis terhadap ekonomi, kebanjiran pendatang luar, faktor cukai, dan sebagainya. Terdapat calon yang gagal memahami kehendak soalan apabila menumpukan perbincangan terhadap gerakan penentangan di Algeria seperti gerakan Husein Dey, gerakan Ahmad Bey, gerakan Syeikh Abdul Qadir al-Jazairi, gerakan Abu Mazi, gerakan Kabylia dan lain-lain.

Soalan 6

Soalan ini menghendaki calon membincangkan faktor politik yang mempengaruhi pembentukan negara bangsa Turki pada abad ke-20 Masihi. Jawapan yang sepatutnya ialah faktor politik seperti kelemahan pemerintah, peranan golongan Turki Muda, dasar imperialisme Barat, gerakan nasionalisme Arab, kekalahan Turki dalam Perang Dunia Pertama, dan krisis Balkan. Calon yang baik mampu menganalisis faktor politik sama ada faktor politik dalaman dan faktor politik luaran. Kelemahan calon menjawab soalan ini ialah mengemukakan faktor yang tidak relevan dengan kehendak soalan seperti faktor non-politik seperti peranan pendidikan, kewartawanan, golongan intelektual, peranan agama, dan sebagainya.

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, sebanyak 22 838 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 47.98% daripadanya telah lulus penuh.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	9.38	2.44	4.64	4.07	6.86	9.06	11.53	3.95	8.67	4.35	35.05

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon bagi kertas ini adalah sederhana. Terdapat beberapa kelemahan jawapan yang ketara. Antaranya adalah seperti yang berikut:

- Calon gagal mempamerkan jawapan yang baik terutamanya gagal memberi *impression* yang baik atau berjaya menarik minat pemeriksa menerusi pengenalan dan kesimpulan soalan.
- Calon tidak menyatakan fakta dengan jelas dan tepat seperti pada soalan 5. Calon tiada pengetahuan tentang matlamat parti Poor Man's Party, sedangkan matlamat parti tersebut jelas dibincangkan dalam sukatan peperiksaan dan pelajaran Sejarah STPM. Hal yang sama berlaku kepada soalan 2, calon tiada pengetahuan tentang matlamat Kesatuan Melayu Muda.
- Calon menulis jawapan dengan tulisan yang sukar dibaca oleh pemeriksa. Antaranya adalah tulisan yang agak kecil dan sukar untuk dieja. Ini menyulitkan pemeriksa untuk memahami apa yang hendak disampaikan oleh calon. Terdapat juga calon tidak menyusun jawapan dengan sistematik.

Komen soalan demi soalan

Soalan 1

Soalan ini menghendaki calon membincangkan peranan pembesar dalam pentadbiran Negeri-negeri Melayu sebelum penjajahan British. Jawapan calon sepatutnya membincangkan peranan pembesar dalam aspek politik seperti wakil kepada sultan, pembesar juga berperanan dalam pertabalan sultan, dan pembesar bertanggungjawab dalam soal keamanan, kesejahteraan ekonomi, dan sosial rakyat. Kebanyakan calon memahami konsep pembesar dan peranannya dalam pentadbiran negeri Melayu sebelum campur tangan British. Namun demikian, ada calon yang memberikan jawapan yang umum tanpa memberikan jawapan yang relevan dengan kehendak soalan seperti contoh yang signifikan.

Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan matlamat penubuhan Kesatuan Melayu Muda (KMM) dalam mendukung gerakan nasionalisme di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua. Jawapan calon sepatutnya menghuraikan matlamat KMM memperjuangkan hak dan kepentingan orang Melayu di Tanah Melayu. KMM juga bercita-cita menjadi medium penyatuan orang Melayu dan seterusnya mempunyai misi menyatukan orang Melayu di pelusuk Indonesia dan Brunei demi perjuangan konsep Melayu Raya. Namun begitu, terdapat jawapan calon yang lemah dari segi fakta dan hujahan. Hal ini menunjukkan calon kurang pengetahuan.

Soalan 3

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan usaha ke arah pembangunan sosial di Malaysia melalui pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan sejak tahun 1971. Calon seharusnya menjelaskan matlamat utama Dasar Kebudayaan Kebangsaan, iaitu mengukuhkan perpaduan antara kaum, mengukuhkan kebudayaan kebangsaan dan memperkaya kualiti kehidupan kemanusiaan dan kerohanian yang seimbang dengan sosio ekonomi Malaysia. Bagi jawapan yang baik, calon sepatutnya menjelaskan usaha ke arah matlamat tersebut. Di antara usaha yang dijalankan ialah memberikan peranan utama kepada Kementerian Pelancongan, Kebudayaan, dan Kesenian seperti peranan dalam menyediakan penyelidikan, perkembangan, galakan serta budaya seni yang mempunyai kaitan dalam perkembangan kebudayaan di Malaysia. Kebanyakan jawapan calon tidak memenuhi kehendak soalan dengan mengemukakan isi jawapan yang tidak relevan dengan kehendak soalan.

Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon menerangkan ciri-ciri ekonomi komersial di Indonesia pada abad ke-19. Bagi jawapan yang baik, calon menerangkan ciri ekonomi komersial seperti ekonomi berasaskan wang, pengenalan ekonomi berasaskan tanaman eksport, pengenalan ekonomi pasaran bebas, kemasukan pelaburan asing, upah, skala pertanian berskala besar, pengenalan undang-undang ekonomi, penubuhan syarikat dagang, perkembangan industri perlombongan, pengenalan institusi kewangan, dan perkembangan infrastruktur moden. Namun begitu, majoriti calon tidak mampu menjawab memenuhi kehendak soalan seperti mengemukakan fakta berkenaan aktiviti penanaman padi, kelapa sawit, dan getah.

Soalan 5

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan matlamat penubuhan *Poor Man's Party* dalam gerakan nasionalisme di Myanmar pada abad ke-20. Soalan ini meminta calon menjelaskan matlamat penubuhan *Poor Man's Party* di Myanmar. Matlamat parti tersebut sebelum Perang Dunia Kedua ialah membela nasib rakyat terutama golongan petani dan buruh. Selepas Perang Dunia Kedua parti *Poor Man's Party* berjuang menuntut kemerdekaan sepenuhnya daripada penjajahan British. Kelemahan calon menjawab soalan ini ialah calon hanya mengemukakan fakta parti ini memperjuangkan golongan petani tetapi tidak menghuraikannya dengan baik.

Soalan 6

Soalan ini menghendaki calon membincangkan usaha ke arah pembinaan negara bangsa di Filipina melalui sistem pemerintahan ketenteraan dari tahun 1972 hingga tahun 1981. Bagi menjawab soalan ini, calon perlulah membincangkan bentuk pemerintahan semasa zaman pemerintahan Ferdinand Marcos. Melalui pemerintahan kediktatoran, Marcos menguatkuasakan dikri dan pemerintahan tentera. Dasar pemerintahan yang sedemikian dilaksanakan untuk melaksanakan misi memperkasakan negara bangsa di Filipina. Namun begitu, usaha yang sedemikian menjadi faktor kepada penggulingan pemerintahan Ferdinand Marcos sebagai Presiden Filipina. Namun, terdapat banyak kelemahan calon pada soalan ini. Kelemahan yang ketara adalah calon membincangkan sumbangan Ferdinand Marcos dalam ekonomi dan pentadbiran kerajaan Filipina.

Laporan Peperiksaan

STPM 2023



Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd. (89120-H)



Majlis Peperiksaan Malaysia

Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-6126 1600 Faks: 03-6136 1488

E-mel: [ppa\[at\]mpm.edu.my](mailto:ppa[at]mpm.edu.my)